

14/09/1999

Pas sukar bangunkan Kelantan tanpa bantuan Pusat

Nasir Hassan

ISU hutang atau pinjaman yang belum dijelaskan Kerajaan Kelantan kepada Kerajaan Pusat bukan sesuatu yang baru. Ia timbul selepas kerajaan negeri pimpinan Pas mula mengambil alih teraju pentadbiran negeri itu daripada Barisan Nasional (BN) selepas pilihan raya umum pada 1990.

Malah, Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, sering menyebut isu itu dalam beberapa ceramah dan perjumpaannya dengan rakyat di seluruh negeri.

Beliau menyatakan kerajaan negeri pimpinannya terpaksa bertungkus-lumus menjelaskan lebih RM700 juta hutang kerajaan negeri yang diterajui bekas Menteri Besarnya, Tan Sri Mohamed Yaacob sejak 1978.

Dalam kenyataan terbaru ketika perjumpaan dengan pemimpin masyarakat Cina dari Selangor di Bilik Gerakan Kota Darulnaim, Kota Bharu, baru-baru ini, timbalannya Abdul Halim Abdul Rahman menjelaskan kerajaan negeri melunaskan RM111 juta daripada RM718 juta hutang itu sejak Pas mengambil alih teraju pentadbiran Kelantan hampir 10 tahun lalu.

Hakikat yang tidak dapat dinafikan ialah mana-mana kerajaan negeri sekali pun terpaksa berhutang untuk menampung segala perbelanjaan melaksanakan pelbagai projek pembangunan untuk faedah rakyat.

Jika tidak, mereka tidak dapat melaksanakan segala projek pembangunan kerana peruntukan yang ada melalui sumber hasil kerajaan negeri tidak mampu menanggung segala pembiayaan termasuk gaji kakitangannya.

Perkara itu mungkin tidak berbangkit jika kerajaan negeri dan Pusat mempunyai fahaman politik yang sama, tidak sebagaimana sekarang iaitu Kerajaan Pusat diterajui BN, manakala kerajaan negeri di bawah pentadbiran Pas.

Difahamkan, sebahagian besar peruntukan pinjaman kerajaan negeri (ketika itu) untuk membina Kompleks Kota Darulnaim iaitu pusat pentadbiran kerajaan negeri termasuk Dewan Undangan Negeri dan Kompleks Balai Islam yang membabitkan perbelanjaan beratus juta ringgit.

Ini bermakna apa yang dibelanjakan kerajaan negeri pimpinan BN ketika itu untuk faedah rakyat dan bukan pembaziran sebagaimana yang digembar-gemburkan pemimpin Pas.

Pas mungkin terpaksa akur kepada hakikat itu dan tidak terlalu cepat menyalahkan pihak lain apabila terpaksa memikul tanggungjawab itu selepas berjaya mentadbir kerajaan negeri.

Sebagaimana adat manusia, sesiapa yang menerima pesaka terpaksa membayar segala hutang piutang si mati.

Apa yang menimbulkan kehairanan ialah apabila Setiausaha Politik Menteri Besar, Husam Musa, mengeluarkan kenyataan dalam sebuah akhbar meminta jasa baik Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, supaya membantu mempengaruhi Kerajaan Pusat melupuskan baki hutangnya RM550 juta.

Kenyataannya itu diperkuatkan lagi oleh Nik Abdul Aziz sehari kemudian dengan menyokong kenyataan Husam ketika diminta mengulas perkara itu.

Kenyataan itu sedikit sebanyak memberi gambaran kerajaan negeri pimpinan Pas masih memerlukan pertolongan pemimpin Umno dalam mengatasi masalah kewangannya.

Dalam kenyataan berkenaan, Husam berharap Tengku Razaleigh boleh memanfaatkan hubungan baiknya dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi membincangkan soal itu.

Pas sepatutnya sedar dan berterima kasih kerana mereka dapat `bersila'

dengan selesa berikut terbinanya dua kompleks terbesar yang menjadi mercu tanda Kerajaan Kelantan yang dikenali dengan nama jolokan Serambi Makkah itu hasil peninggalan kerajaan BN.

Malah, barisan kepimpinan BN yang diketuai bekas Menteri Besarnya, Mohamed Yaacob tidak sempat `duduk di kerusi empuk' berada di bangunan Kompleks Kota Darulnaim sebelum pentadbiran kerajaan negeri itu bertukar tangan.

Pas patut menerima hakikat jika tidak kerana usaha kerajaan negeri (ketika itu) yang bersungguh-sungguh melaksanakan projek berkenaan tentu kerajaan sekarang tidak mampu mencorakkan pusat pentadbiran itu sebegitu rupa sehingga menjadi mercu tanda.

Pas nampaknya berbangga apabila mereka mendakwa tidak pernah berhutang dengan Kerajaan Pusat sejak mengambil alih pentadbiran kerajaan negeri selepas pilihan raya umum 1990.

Sebab itu, kerajaan negeri tidak dapat melaksanakan projek pembangunan kerana tidak ada peruntukan sama ada melalui hasil mahsul kerajaan negeri dan bantuan atau pinjaman daripada Kerajaan Pusat.

Kenyataan itu sekali gus mengesahkan dakwaan bahawa kerajaan Pas gagal berbuat sesuatu membangunkan rakyat negeri itu, walaupun hampir 10 tahun memerintah negeri itu seperti tercatat pada sepanduk BN yang menyebut: Dekat 10 tahun gapo demo buat. Tak malu ke demo make (makan) gaji buto.

Slogan itu dilihat sebagai perang saraf BN dalam usaha menarik pengaruh rakyat menyokong perjuangannya sekali gus merampas kembali negeri itu daripada Pas pada pilihan raya kali ini.

Bagaimanapun, Pas pula menjawab dalam bentuk sepanduk sebagai tindak balas kepada sindiran BN itu dengan menyebut: "Kerja demo mampus parti. Kerja kawe dok bayar hutang demo".

Jadi, tidak hairanlah jika Pas dikatakan tidak melaksanakan sesuatu projek besar untuk faedah rakyat kerana mereka bukan saja tidak mampu dari segi kewangan, malah enggan berhutang daripada Pusat.

Barangkali atas alasan itulah Pas dianggap tidak mampu membayar gaji kakitangannya dalam tempoh tiga bulan walaupun berjaya memerintah negeri terbabit jika tidak mendapat bantuan Kerajaan Pusat.

(END)